

Bab 1 Latar belakang pemikiran politik Konfusianisme serta riwayat hidup tokohnya pada zaman Pra-Qin

Pendahuluan

Sejak negara China memasuki zaman Chun Qiu (770-476SM), masyarakat Cina mengalami perubahan yang besar, perubahan ini berbabit dengan bidang ekonomi, politik, kebudayaan dan seumpamanya.

Dalam segi ekonomi, satu perubahan yang ternyata ialah kewujudan pemilikan tanah sendiri. Sebelum ini, tanah di negara China hanya dimiliki oleh kerajaan dan ini telah mengakibatkan keadaan yang berhuru-hara. Raja Zhou 周天子¹ didapati kehilangan kewibawaan. Dari segi politiknya pula, kuasa “Pembesar-pembesar feudal 诸侯²” semakin meningkat, manakala kuasa “Raja Zhou” pula semakin tipis.

Sejak kuasa “Raja Zhou” menjadi tipis, maka wujudnya beberapa pusat politik yang ditubuhkan oleh pembesar-pembesar feudal itu.

¹ *Zhou Tianzi* 周天子 : Pada zaman purba, orang ramai mengalu-alukan keajaiban kuasa Tuhan. Pada pendapat mereka, *tian* (天 tuhan) itu mengawal nasib manusia. Justeru itu, pemerintah pada zaman tersebut selalu menganggap dirinya sebagai anak kepada *tian* tersebut dan segala perintah yang dikeluarkan adalah mengikut kehendak Tuhan. *Zhou Tianzi* disini bermaksud anak kepada Tuhan. Konsep tersebut muncul pada zaman Zhou.

² *Zhuhou* 诸侯 : Anak-anak raja dalam sistem feudal. Pangkat mereka dianugerahkan oleh *zhou Tianzi* pada zaman Zhou Barat dan Chun Qiu. Mereka menguasai bidang ketenteraan, politik dan kewangan di tanah jajahan mereka tersendiri pada zaman tersebut. Jawatannya diwarisi turun-temurun. Walau bagaimanapun, mereka harus mematuhi arahan *zhou Tianzi* dan kemudian memberikan upeti kepada *zhou Tianzi* pada masa-masa tertentu. Kuasa mereka meningkat pada zaman feudal.

Peperangan di antara pembesar-pembesar feudal menyebabkan perubahan yang besar terhadap struktur masyarakat.

Di dalam bidang kebudayaan, mula munculnya sekolah swasta, “Cendekiawan 士” menjadi satu kuasa yang penting di kalangan masyarakat ketika itu. Dalam keadaan sebegini, pelbagai aliran mula wujud dan membentuk suatu keadaan yang dinamakan “*baijia zhengming* 百家争鸣”.³

Di antara aliran pemikiran Pra-Qin, Konfusianis mempunyai pengaruh yang paling meluas dan mendalam. Konfusianisme wujud pada akhir zaman Chun Qiu 春秋 dan berkembang pada zaman negara peperangan 战国 (475-221SM) sehingga menjadi sebuah sistem pemikiran yang unggul. Dari segi pemikiran, Konfusianis dipengaruhi oleh zaman Xia 夏, dan Zhou 周. Rakyatnya pada zaman itu pula percaya kepada kuasa-kuasa sihir dan bergantung kepada Tuhan Maha Esa serta soal takdir hidup.

Pengasas Konfusianisme ialah Konfusius. Meng zi dan Xun zi memperkembangkan pemikirannya.

Ketiga-tiga tokoh tersebut dikategorikan sebagai *xianqin sandaru* 先秦三大儒⁴.

³ *Baijia zhengming* 百家争鸣: Satu adat kebiasaan ilmiah dan perbahasan yang berlaku pada zaman pengakhiran Chun Qiu sehingga ke zaman peperangan pada lingkungan pemikiran dan kebudayaan, iaitu zaman kewujudan sistem pemikiran yang berasingan, masing-masing ingin mengutarakan pendirian sendiri.

⁴ *Xian qin sandaru* 先秦三大儒: Tiga tokoh Konfusianis yang paling penting pada zaman Pra-Qin. Mereka terdiri daripada Konfusius, Meng zi, dan Xun zi.

Dalam bidang politik, Konfusianis pada zaman Pra-Qin membentuk satu sistem pemikiran yang berdasarkan “*wangdao* 王道”, “sistem Keperimanusiaan *renzheng* 仁政” dan “sistem Kepimpinan Melalui Teladan 德治”. Ini disebabkan keadaan masyarakat pada zaman Chun Qiu didapati berhuru-hara. Struktur masyarakat yang tidak stabil ini mengakibatkan golongan bawahan berjuang untuk memperbaiki taraf hidup sosial mereka. Untuk menyesuaikan diri dalam hidup, slogan “cintakan manusia 仁者爱人” tentang menyempurnakan kelakuan diri sendiri terlebih dahulu dan seterusnya menaati kepada keluarga dan negara disarankan oleh pihak Konfusianis ini. Pemikiran teras Konfusianisme pada zaman Pra-Qin ialah seseorang raja mesti memperbaiki diri sendiri dari semua aspek dan beliau mestilah seorang yang suci dan alim untuk memerintah sesebuah negara. Syarat ini penting bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh Tuhan. Sistem Raja, keperimanusiaan dan kepimpinan melalui teladan sebenarnya merupakan matlamat akhir pemikiran Konfusianisme.

Selain itu, ahli fikir pada zaman purba umumnya menggunakan pengenalan terhadap “sifat manusia 人性” sebagai panduan asas sistem pemikiran yang bercorak etika itu masing-masing. Misalnya, walaupun Konfusius jarang menyatakan “Sifat Manusia 性”, tetapi beliau adalah tokoh pertama yang menyarankan konsep “Sifat Manusia” dalam sejarah pemikiran Cina. Misalnya, dalam buku *Lunyu*, (17:2) tercatat “性相近也，习相远”，maksudnya persekitaran amat mempengaruhi dan membentuk sahsiah seseorang. Sifat-sifat baik seseorang akan tercemar jika tidak wujud persekitaran yang kondusif untuk membentuk sifat-sifat yang baik ini. Maka diketahui bahawa hemat Konfusius cenderung kepada “Manusia bersifat suci sejak dilahirkan”.

Meng Zi memperkembangkan titik perbahasan Konfusius dan menegaskan bahawa manusia bersifat baik sejak dilahirkan. Manakala Xun zi pula berpendapat bahawa manusia bersifat jahat sejak dilahirkan. Beliau membimbing orang ramai supaya menyempurnakan kelakuan diri sendiri dan menegaskan agar menggunakan “tatasusila negara dan maruah diri” untuk mengawal kelakuan orang ramai.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa pemikiran politik Konfusianis pada zaman Pra-Qin adalah pemikiran politik yang bercorak “Etika” dan “Keperimanusiaan” seperti yang terdapat dalam pemikiran politik zaman purba. Dari segi falsafah juga, Konfusianisme dipenuhi dengan pemikiran yang rasional dan keperimanusiaan.

Sebagai kesimpulannya, Konfusianisme menjadi aliran pemikiran yang paling berpengaruh pada zaman Pra-Qin, malahan kekal hingga sekarang. Keadaan sedemikian mungkin disebabkan oleh negara China mempunyai sejarah sosial dan keistimewaan konfusianisme yang tersendiri. Kebijaksanaan dan kekuasaan suku bangsa dipelira dan mewakili kebudayaan negara China. Menerusi edaran zaman, Konfusianisme bukan sahaja mampu mengatasi pelbagai halangan malah berjaya menikmati sesuatu kedudukan yang unggul dan berpengaruh di kalangan masyarakat negara China.

Malangnya pada zaman “Pembesar-pembesar feudal” yang bertarungan ini, ideal politik Konfusianisme akhirnya juga tidak tercapai disebabkan pemikiran

Konfusianisme pada masa tersebut terlalu menegaskan pemikiran etika dan nilai moral. Pemerintah Pra-Qin tidak gemar mengikuti corak pemikiran ini. Ini adalah kerana pada zaman yang berhuru-hara itu, matlamat seluruh pemimpin negara adalah untuk mencungkil orang yang berkebolehan dan berbakat, di samping mencari usaha yang boleh menguatkan negara serta memperluaskan tanahnya. Pada zaman yang masing-masing mementingkan kepentingan sendiri, Konfusius dan Meng zi pula menyarankan pemerintahan corak “keperimanusiaan”. Hemat mereka ini didapati bercanggah dengan kepentingan pemimpin negara dan dianggap sebagai jauh daripada realiti dan terlalu idealistik.

Sebagai kesimpulannya, prinsip falsafah politik pada zaman Pra-Qin menekankan bahawa ketaatan rakyat diperolehi bukan melalui paksaan tetapi lahir dari diri individu tersendiri kerana pemikiran Konfusianisme menekankan bahawa semua manusia berniat baik sejak dilahirkan. Pemikiran teras Konfusius ialah “*ren* 仁”⁵, manakala pemikiran teras Meng zi ialah “*yi* 义”⁶ dan pemikiran teras Xun zi ialah “*li* 礼”⁷. Berdasarkan falsafah ketiga-tiga tokoh falsafah ini maka wujudlah falsafah politik yang berasaskan “keperimanusiaan”.

⁵ *Ren* 仁 : *Ren* bermaksud perikemanusiaan. *Ren* merupakan satu prinsip etika bagi Konfusianisme pada zaman lampau. Ia juga merupakan satu rumusan bagi segala tindakan moral dan kebaikan. Selain itu, *ren* juga merupakan keperluan hidup dalam sesebuah negara. Ahli pujangga pada zaman kini menjelaskan *ren* sebagai kemurahan hati dan ia merupakan tahap yang tertinggi yang harus dicapai oleh seseorang.

⁶ *Yi* 义 : *Yi* pula bermaksud tanggunjawab. *Yi* merupakan konsep umum bagi Konfusianisme. Segala penyelarasan antara kelakuan fikiran dengan standard tertentu juga dimaksudkan dengan *yi*. Pada pendapat Meng zi, *yi* itu adalah panduan hidup bagi kita dan beliau menganggap *yi* itu lebih penting daripada nyawa sendiri.

⁷ *Li* 礼 : *Li* bermaksud ketatasusilaan. Ia juga merujuk kepada adat resam, kehormatan, upacara, polisi dasar sesebuah negara serta peraturan dalam kehidupan manusia.

Kajian ini akan cuba meneliti pemikiran politik konfusianisme pada zaman Pra-Qin dengan memberikan fokus kepada pemikiran politik Konfusius, Meng zi, dan Xun zi. Selanjutnya kajian ini akan cuba meneliti dan membandingkan ketiga-tiga tokoh Konfusianis tersebut dari beberapa sudut atau aspek.

1.1 Definisi dan sifat-sifat pemikiran politik

Sebelum kita meneliti sifat-sifat pemikiran politik, kita harus memahami konsep politik terlebih dahulu.

Setakat ini, ahli cendekiawan telah memberikan banyak definisi terhadap konsep “politik”, tetapi tidak ada satu maksud yang tepat atau tetap. Ada cendekiawan yang mengaitkan politik dengan seseorang yang berkebolehan untuk memerintah orang ramai. Ada pula yang merujuk kepada sejenis kuasa atau plot. Contohnya, ahli fiikir politik kanun 法学家 pada zaman purba negara China menganggap politik sebagai kuasa untuk memerintah orang ramai dan menyelesaikan masalah masyarakat pada sesuatu zaman. Plato 柏拉图⁸ pada zaman Yunani lama pula berpendapat bahawa oleh kerana keperluan hidup, orang ramai harus mempunyai semangat tolong-menolong untuk hidup bersama. Dengan keperluan ini, maka wujudlah negara.

⁸ Plato 柏拉图 (427-347SM): Ahli falsafah pada zaman Yunani kuno. Pengikut kepada Socrates 苏格拉底 (469-399SM.) serta guru kepada Aristotle. 亚里斯多德 (384-322SM). Beliau memandang rendah terhadap dunia “gejala” dan mengalih-alukan konsep idealisme. Beliau membawa kesan yang mendalam terhadap spiritualisme dalam falsafah Barat. Mendirikan kolej Plato pada 387SM dan seterusnya menganjurkan pendidikan falsafah.

Dalam konteks ini, politik dianggap sebagai pengurusan sesebuah negara oleh ahli falsafah atau sebagai pengurusan pasukan tentera oleh ahli tentera dan sebagainya. Sebaliknya, rakyat menyumbangkan tenaga mereka kepada negara.

Kenyataan di atas mempunyai persamaan dengan Konfusianisme, iaitu orang yang berfikir boleh menguruskan negara dan pihak yang menyumbangkan tenaga akan diperintah oleh orang yang banyak berfikir.

Megikut Dr.Sun Yatsen (1866-1925), politik dalam perkataan Cina sebenarnya terdiri daripada dua perkataan iaitu “pemerintahan” dan “pengurusan”. Pemerintahan berkait dengan perkara orang ramai; manakala pengurusan adalah usaha mengendalikan perkara orang ramai. Maka, politik bermaksud kebolehan dalam hal ehwal orang ramai. Kuasa untuk mengurus hal orang ramai ini dinamakan “kuasa politik”. Nikolai Lenin 列宁 (1870-1924) pernah berkata, politik adalah perjuangan antara lapisan-lapisan masyarakat dan penglibatan mereka dalam hal ehwal negara. Ini mencakupi usaha menetapkan wawasan sesebuah negara dan garis panduan tentang tanggungjawab rakyat terhadap sesebuah negara. Mao Zedong 毛泽东 (1893-1976) pula berpendapat bahawa politik harus melibatkan semua golongan masyarakat dan orang awam. Kuasa politik tidak seharusnya dimiliki dan dijadikan keistimewaan oleh beberapa orang ahli politik sahaja. Nikolai Lenin juga pernah berkata, “Hanya apabila politik melibatkan semua orang, barulah wujudnya bentuk politik yang sempurna.”

Politik juga menentukan pencapaian di dalam bidang ekonomi. Di dalam kehidupan politik, yang menjadi persoalan pokok ialah “rejim” sesebuah negara itu. Pendek kata, rejim sesebuah negara tidak akan wujud jika sesebuah negara itu runtuh. Ini adalah kerana politik berkaitan dengan semua aktiviti harian rakyatnya. Politik tidak akan wujud tanpa negara.

Menurut Wu Qiongen 吴琼恩 (1985:1), pemikiran politik muncul menyelesaikan permasalahan politik. Umumnya, pemikiran politik melibatkan segala usaha intelek ke atas gejala politik.

Pada pendapat pengkaji pula, politik merupakan suatu kuasa, rejim, autoriti, institusi dan konsep kekuasaan. Politik juga merujuk kepada sejenis keganasan serta pengaruh terhadap masyarakat. Politik bertujuan menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh manusia sendiri di samping sebagai satu keperluan untuk mendirikan sesebuah masyarakat baru dan memperkuatkan pembangunan sesebuah negara dan masyarakat. Kemunculan politik membolehkan kuasa harta benda dan kuasa pembahagiannya dilaksanakan.

“Pemikiran” pula dikaitkan dengan konsep yang berkenaan dengan konsep penilaian kecantikan, penghargaan, khayal, ideologi lojik dan sebagainya. Pemikiran dapat dipaparkan menerusi kebudayaan, tulisan serta simbol yang tersendiri. Pemikiran politik pula merujuk kepada usaha menguasai, mengurus, dan menyelaraskan sesebuah

masyarakat. Selain itu, ia juga merujuk kepada cara-cara menggunakan pengaruh autoriti untuk melindungi disiplin dan manfaat sesebuah persatuan.

Sebagai kesimpulannya, politik merangkumi semua kelakuan dalam sesebuah negara dan pengetahuan dalam politik dikaitkan dengan kajian tentang cara pentadbiran dan ideologi sesebuah negara. Jadi, ilmu politik bermaksud ahli fikir politik yang mengkaji tentang prinsip pantadbiran sesebuah negara. Maka, politik ialah sebahagian besar atau alat dalam kehidupan masyarakat kita. Dengan perkataan lain, kehidupan manusia bergantung kepada kesempurnaan sistem politik sesebuah negara . Ilmu politik adalah satu ilmu yang penting sejak dulu lagi. Pada zaman Yunani, ahli falsafah Aristotle 亚里思多德⁹ pernah mengatakan bahawa pangkalan bagi ilmu politik adalah diatas “architectonic”, yang bermaksud: ilmu politik adalah paling mustahak di antara semua ilmu pengetahuan kerana ia dapat dianalogikan sebagai pangkalan kepada sebuah bangunan. Beliau juga menegaskan bahawa pemikiran politik menjadi asas dalam pengajian terhadap pegangan seorang terhadap kehidupan yang bermasyarakat. Ini termasuklah pengajian terhadap ciri-ciri kerajaan yang keperimanusiaan di samping ciri-ciri kerajaan yang tidak lengkap dari segi moralnya.

⁹ Aristotle 亚里思多德 (384-322SM): Seorang ahli falsafah dan saintis di negara Yunani. Beliau adalah pengikut kepada Plato dan merupakan pegasas kepada ilmu adat dan logik. Hasil karyanya meliputi ilmu logik, falsafah, biologi, kimia, politik, dan sastera. Beliau memperkuatkan ilmu falsafah. Antara hasil kitabnya, “Organon”, “Metaphysics”, dan “Ethics” merupakan tiga buah buku kitab yang paling penting.

1.2 Prinsip-prinsip pemikiran politik

Persoalan pokok yang disentuh dalam pemikiran politik melibatkan isu teladan dan nilai, kelengkapan sistem politik, ciri-ciri keistimewaan, tanggungjawab dan kewajiban rejim kerajaan terhadap subjeknya, tujuan kehidupan politik, perhubungan diri dengan masyarakat serta asas bagi kekuasaan dan sebagainya. Ahli-ahli politik sentiasa berhubung rapat dengan realiti, mengkaji bagaimana sesuatu keadaan itu terjadi. Manakala, isu yang dititikberatkan dalam pemikiran politik ialah mengenai apakah sebenarnya bangsa dan bagaimana sesebuah negara dibina berasaskan bangsa. Di samping itu, ahli pemikiran politik juga mengkaji perhubungan antara kehidupan politik dan kehidupan manusia. Misalnya, bagaimana politik dapat membantu dan berkhidmat untuk manusia. Ahli politik biasanya menetapkan matlamat dan nilai mutlak, kemudian menghuraikan cara-cara untuk melaksanakan keadaan itu. Ini termasuklah kegiatan membuat keputusan tentang hal-hal moral, etik dan nilai. Berlandaskan perbincangan di atas, didapati bahawa persoalan pokok yang selalu dikaji atau dibincangkan oleh ahli politik berkait dengan konsep dasar serta berfikir secara mendalam tentang konsep tersebut. Kedua ialah mencari pandangan yang baru untuk menggantikan pendirian yang lama dalam kehidupan politik tersebut. Ketiga ialah berusaha sedaya upaya untuk mengejar sesuatu kebenaran. Sebagai kesimpulan, pemikiran politik merujuk kepada konsep seseorang berkenaan dengan kehidupan politik, gejala politik, perhubungan manusia dengan politik dan sebagainya, ataupun seseorang itu berfikir tentang gejala politik dan persoalan politik. Mengikut kajian Qi Yan 戚衍 (1995: 250-254), sifat-sifat pemikiran politik adalah seperti berikut:

- (i) Pemikiran politik menggambarkan kehidupan politik bagi sesebuah negara secara langsung, ia merupakan satu fikiran tentang gejala politik.
- (ii) Pemikiran politik adalah satu pergabungan terhadap konsep politik, teori politik dan paradigma politik.
- (iii) Pemikiran politik berubah dari semasa ke semasa, maksudnya setiap era mempunyai fikiran politik yang tersendiri.

Oleh itu, bolehlah dirumuskan bahawa pemikiran politik itu adalah satu fikiran tentang gejala politik dan kemunculannya diakibatkan oleh kewujudan sesebuah negara.

1.3 Huraian ringkas tentang keadaan politik pada zaman Pra-Qin

Dalam persejarahan pemikiran politik di negara China, kajian tentang persoalan politik adalah berasal usul. Pada umumnya, kajian sedemikian terbahagi kepada empat peringkat, iaitu peringkat pertama: Pemikiran politik pada zaman Pra-Qin; peringkat kedua: Pemikiran politik dari dinasti Qin 秦朝(221-206SM) sehingga ke pertengahan dinasti Ming 明朝(1368-1644); peringkat ketiga: Dari pertengahan dinasti Ming ke dinasti Qing 清朝; (1644-1911) dan peringkat keempat: dari Perang Candu (1840-1842) hingga ke pertengahan *wusi* / Gerakan 4 Mei 1914 五四运动.

Chen Zhefu 陈哲夫(1992:551 judul Politik) pula berpendapat bahawa pengajian terhadap pemikiran politik Cina pada zaman kuno umumnya bermula dari zaman Shang dan Zhou sehingga ke zaman percetusan “Perang Candu”. Peringkat ini

merupakan zaman perlaksanaan sistem feudal dan sistem hamba abdi. Mengikut Chen Zhefu, jika ditinjau dari segi isi kandungan, pemikiran politik kolot di negara China boleh dibahagikan kepada zaman Zhou, zaman peperangan, dinasti Qin Han, dan zaman sebelum Perang Candu.

Wu Qiongen 吴琼恩 (1985 : 1) berpendapat bahawa jikalau kita ingin mengkaji pemikiran politik di negara China, kita seharusnya menyelidikinya dari berlandaskan konsep agama dan moral dan bukan hanya meninjau dari segi politik. Beliau mengambil berat tentang semangat Konfusius.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan mengutamakan perbincangan pemikiran politik pada zaman Pra-Qin iaitu pemikiran politik Konfusianisme Pra-Qin. Aliran akademik pada zaman Pra-Qin walaupun banyak, tetapi fikiran yang memperlihatkan kesan yang mendalam ke atas masyarakat pada masa itu mahupun kini hanya terdapat empat aliran, iaitu aliran Konfusianisme 儒家, aliran Mo 墨家, aliran Doaisme 道家 dan aliran Fa 法家.

Ye Zuhao 叶祖灏 (1984:1) pula berpendapat bahawa sikap pemikiran politik itu dapat dibahagikan kepada tiga jenis seperti yang berikut:

- (i) Aliran Konfusianisme dan *mo* lebih mementingkan pemikiran kuno.
- (ii) Aliran *fa* mementingkan pemikiran nyata.

- (iii) Aliran Doaisme benci akan segala prinsip sama ada pemikiran moden ataupun lama, malah ia mementingkan kebebasan individu dan perasaan kepuasan.

Zheng Jiancai 郑健才 (1975:46-47) berpendapat bahawa kewujudan kebudayaan dan politik asas di negara China adalah disebabkan oleh demokrasi asas yang terwujud di negara China.

Sebenarnya pemikiran politik pada zaman Pra-Qin dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah pemikiran politik pada zaman Xia, Shang dan Zhou. Zaman ini merupakan zaman percambahan bagi pengajian politik dalam persejarahan negara China. Ketiga-tiga zaman tersebut mengamalkan sistem feudal. Sebenarnya pada zaman Xia dan Shang, belum muncul lagi pemikiran politik. Konsep “kuasa Tuhan” masih memainkan peranan yang paling penting dalam kehidupan rakyat mahupun golongan pemerintah. Sehingga ke zaman Zhou, konsep-konsep politik seperti “melindungi rakyat” dan “berhati-hati semasa menjatuhkan hukuman ke atas rakyat” barulah diperdebatkan. Maka, zaman Zhou sebenarnya merupakan zaman permulaan pemikiran politik di negara China. Malangnya, kebanyakan bahan sejarah pada zaman Xia, Shang dan Zhou sudah hilang akibat peperangan. Walaubagaimanapun, berdasarkan catatan sejarah dan penerokaan bahan-bahan sejarah, generalisi dewasa ini merumuskan bahawa kuasa Tuhan memainkan peranan yang penting dalam sistem pentadbiran pada zaman-zaman tersebut.

Pada zaman-zaman tersebut, orang ramai menganggap Tuhan ataupun “*tian* 天¹⁰,” itu sebagai politik dan segala perbuatan manusia didapati berasaskan *tian*. Misalnya, dalam buku sejarah tercatat “perbuatan zaman Xia itu mengikut arahan Tuhan.” Ini bermakna, soal politik pada zaman Xia dilihat berlandaskan sudut agama dan kuasa Tuhan. Mereka percaya bahawa raja-raja itu adalah dibawah arahan Tuhan yang mahamulia untuk menjalankan pemerintahan di dalam dunia. Dengan kata lain, mereka percaya golongan pemerintah adalah pewakil Tuhan, oleh sebab itu, golongan pemerintah diwajibkan menjalankan upacara pemujaan pada masa tertentu.

Selain itu, pada zaman Xia, penerokaan “*jiaguwen* 甲骨文¹¹” mencatatkan banyak perkara tentang hal nujum dan astrologi. Ini membuktikan bahawa pengajian politik pada zaman Shang berkait rapat dengan astrologi. Semasa para pemerintah berusaha untuk memutuskan sesuatu perkara atau menyelesaikan persoalan politik, mereka sering bergantung kepada keputusan astrologi.

¹⁰ *Tian* 天 : Satu konsep yang paling kolot dalam masyarakat Cina dari segi falsafah dan pemikiran. *Tian* yang dikatakan mengandungi dua makna; Pertama, *tian* merujuk kepada Tuhan yang berperasaan dan bermoral. Kedua, *tian* ialah merujuk kepada “langit”. Pada zaman Xia dan Shang, dalam fikiran orang ramai, *tian* itu adalah Tuhan yang maha mulia. Ia berupaya memberi tuah kepada manusia dan mengusir segala kemalangan. Selain itu, *tian* juga memiliki autoriti tertentu, seperti kejayaan dan kegagalan. Oleh itu, *tian* pada zaman lampau itu adalah merujuk kepada *tian* yang berperasaan dan berpersonifikasi.

¹¹ *Jiaguwen* 甲骨文 : Sejenis tulisan yang paling awal di negara China. Isi kandungan *jiaguwen* kesemuanya berkaitan dengan hal “nujum”. Ini adalah kerana orang Shang mempunyai kepercayaan kalut kepada Tuhan. Maka, keputusan untuk kesemua perkara mestilah berlandaskan hal nujum. Semasa menuju, langkah pertama yang harus dilakukan ialah menggunakan api untuk membakar dan menggerudi lubang di atas sekeping tulang binatang ataupun kulit kura-kura. Selanjutnya, berdasarkan kepecahan jalur yang terdapat pada kulit kura-kura, diputuskan baik ataupun buruknya sesuatu perkara. Akhirnya, keputusan sesuatu perkara itu ditulis dan diukir pada kulit kura-kura itu. Sejarah zaman Shang dapat diperlihatkan menerusi catatan *jiaguwen* ini.

Pada zaman Zhou Barat 西周 (lebih kurang 1066-771SM), walaupun wujudnya fikiran menggunakan faktor moral untuk memenuhi ketidakcukupan kuasa Tuhan dan kemudian mengkaji persoalan politik mengikut hal ehwal yang dihadapi oleh manusia itu tersendiri. Kuasa agama dan Tuhan masih memainkan peranan yang penting dalam soal pentadbiran negara.

Bahagian kedua dalam pemikiran politik pada zaman Pra-Qin dikaitkan dengan zaman Chun Qiu dan peperangan. Zaman ini merupakan kewujudan pengajian politik dalam persejarahan Cina. Selaras dengan runtuhnya sistem hamba abdi dan pendirian sistem feudal, struktur masyarakat tempoh ini mengalami perubahan yang pesat. Misalnya, pengajian politik mula beedar dari sekatan kuasa Tuhan kepada pengajian tentang hal ehwal manusia. Selain itu, munculnya pula pelbagai aliran pemikiran. Aliran pemikiran yang paling berpengaruh ketika itu ialah pemikiran Konfusianisme yang diwakili oleh Konfusius, Meng zi dan Xun zi. Aliran kanun pula diwakili oleh Shang Yang 商鞅 (390-338SM) dan Han Fei 韩非 (lebih kurang 280-233SM); aliran Daoisme diwakili oleh Lao zi 老子 (riwayat hidupnya tidak dapat diselidiki lagi), dan Zhuang zi 庄子 (369-286SM); aliran *mo* 墨家 diwakili oleh Mo Di 墨翟 (lebih kurang 468-376SM); aliran *bing* 兵家 diwakili oleh Sun Bing 孙膑 (tokoh pemikiran pada zaman pengakhiran Chun Qiu); aliran-aliran lain ialah seperti aliran *yinyang* 阴阳家, aliran *ming* 名家, aliran *zongheng* 纵横家 dan sebagainya. Huraian ringkas terhadap pemikiran politik bagi setiap aliran tersebut akan dibincangkan kelak.

Sejak zaman Chun Qiu dan peperangan, ahli cendekiawan barulah mula mengkaji tentang persoalan politik secara meluas. Mereka masing-masing mengemukakan pendapat politik tersendiri di samping mengadakan perbincangan sehingga terwujudnya keadaan “*baijia zhengming* 百家争鸣.” (rujuk n.k.3) Pengajian politik dalam persejarahan Cina mula diperkuuhkan pada zaman tersebut. Berikut dipaparkan ringkasan tentang pemikiran politik bagi aliran Konfusianisme, Daoisme, kanun, *ming*, *bing*, *yinyang*, *mo*, *guan zi* 管子, *lushi chunqiu* 吕氏春秋 dan sebagainya.

1.3.1 Pemikiran politik Konfusianisme

Aliran Konfusianisme sebenarnya berdasarkan latar belakang sejarah negara Lu, ia merupakan aliran yang paling bercorak “daerah” antara aliran *mo*, Daoisme, dan *fa*.

Konfusianisme pada zaman Pra-Qin berhasrat memulihkan masyarakat kepada zaman Zhou Barat yang berkeadaan aman dan tenteram. *Zhouli* 周礼 dianggap sebagai kod masyarakat yang tertinggi dan dijadikan pegangan untuk menyekat kegiatan. *Zhouli* membentuk peraturan masyarakat yang bercorak tugas raja itu haruslah sepadan dengan seorang raja; tugas pengiring itu sepadan dengan seorang pengiring; tugas seorang ayah haruslah sepadan dengan seorang ayah dan begitu juga dengan tugas seorang anak, haruslah sepadan dengan seorang anak 君君, 臣臣, 父父, 子子. Dalam bidang politik, para pemerintah dinasihatkan supaya memerintah secara bermoral dan berperikemanusiaan di samping menegaskan kesempurnaan peribadi dan memilih orang

yang berkebolehan sebagai pemimpin. Konfusianisme pada zaman Pra-Qin diwakili oleh Konfusius, Meng zi, dan Xun zi. Ini merupakan aliran pemikiran yang paling berpengaruh dari zaman lampau sehingga ke masa kini. Pada hemat pengkaji, pemikiran politik Pra-Qin wujud disebabkan oleh ahli cendekiawan itu berhasrat untuk mencari jalan bagi menyelesaikan kekecohan yang berterusan pada zaman itu. Cara penyelesaian demikian akan membawa manfaat kepada persatuan yang berbeza pada zaman itu. Jika dikatakan fikiran Konfusianisme bercorak idealisme, maka aliran kanun pula bercorak realisme. Perbincangan terperinci tentang pemikiran politik Konfusius, Meng zi, dan Xun zi akan diutarakan pada bab 2, 3, dan 4.

1.3.2 Pemikiran politik aliran kanun ataupun *fa* 法家

Aliran ini menegaskan pemerintahan berdasarkan kehakiman. Pewakil aliran kanun iaitu Shang Yang dan Han Feizi menegaskan bahawa kekuatan tentera menentukan ketenteraan kemajuan sesebuah negara. Mereka menyangjung tinggi sistem perundangan dan menekankan pemerintahan berdasarkan kehakiman, pendapat tersebut bergantung bukan sahaja kepada faktor kebijaksanaan tetapi juga mencakupi faktor undang-undang. Prinsip “ketidakbezaan peringkat” dan menafikan segala pendapat yang berperikemanusiaan dikemukakan. Pendek kata, mereka bercadang untuk menggunakan keganasan bagi menyatupadukan sesebuah negara; mementingkan penguatan peraturan sesebuah masyarakat dan menjalankan pemerhatian yang rapi ke atas rakyat jelata. Selain itu, kuasa akhlak dikenakan ke atas golongan pemerintah.

Ye Zuhao 叶祖灏 (1984:4) berpendapat bahawa sumbangan aliran *fa* dapat diperlihatkan menerusi konsep yang dikemukakan, iaitu “pemerintahan berdasarkan orang yang berwibawa”. Selain itu mementingkan segala perundangan, mengeluarkan perintah serta memberatkan hukuman barulah dapat menyebabkan sesebuah negara.

Wang Hongwei 王洪卫(1992:322) berpendapat bahawa walaupun undang-undang tersebut amatlah penting, tetapi akhirnya, aliran *fa* juga berpendapat bahawa panduan dan pesanan undang-undang itu adalah untuk melindungi pemerintahan mutlak. Maka, bolehlah dirumuskan bahawa sistem undang-undang tersebut mestilah memenuhi keperluan golongan pemerintah. Oleh itu, undang-undang tersebut digubal oleh pemerintah tersendiri dan jelaslah bahawa pemerintahan monarki mengatasi undang-undang.

Ahli pemikiran *fa* berpendapat bahawa segala perbuatan manusia haruslah dibawah kawalan “undang-undang”. Undang-undang yang dimaksudkan ini pula berubah dari semasa ke semasa berlandaskan kehendak masyarakat. Aliran kanun begitu menegaskan pemerintahan secara kehakiman kerana mereka berpendapat bahawa manusia bersifat jahat sejak dilahirkan. Maka, undang-undang haruslah dikenakan untuk menyekat nafsu mereka. Selain itu, aliran *fa* juga berpendapat bahawa kuasa pemerintah adalah mutlak.

Pada pendapat pengkaji, aliran *fa* menyanjung tinggi pemerintahan secara paksaan. Sesuatu undang-undang yang telah digubalkan tidak mudah diubah. Aliran

kanun itu menentukan perkara yang harus dilakukan dan perkara yang tidak harus dilakukan. Walau bagaimanapun, undang-undang yang digubal itu harus juga bersesuaian dengan kehendak manusia dan keadaan masyarakat.

1.3.3 Pemikiran politik aliran Daoisme 道家

Aliran Daoisme diwakili oleh Lao zi (tahun kelahiran dan kemangkatan Lao zi tidak dapat dikenal pasti) dan Zhuang zi (kira-kira pada 369-286SM). Pemikiran teras dalam politik ialah “*dao*道¹²”. Sebenarnya, *dao* yang merupakan konsep yang kabur. Misalnya, Lao zi pernah mengatakan bahawa: “*Dao* yang boleh dinyatakan bukan lagi merupakan *dao* biasa; nama yang boleh dinyatakan bukan lagi merupakan nama biasa” (Laozi:1). Menurut Daoisme, *dao* itu adalah “ibu” kepada alam semula jadi dan dasar kepada semua harta benda. Oleh itu, dasar politik Daoisme juga berlandaskan atas *dao*. Menurut ahli Daoisme, kewujudan para pemerintah juga berpunca daripada *dao*. Teori politik lain dalam aliran Daoisme ialah mempelawa orang yang berkebolehan sebagai pemimpin serta membantah peperangan. Masyarakat ideal bagi Daoisme ialah “negara kecil serta rakyat yang kurang 小国寡民”, membantah segala sistem penghakiman serta peradaban material. Aliran Daoisme menyeru orang ramai supaya mengundurkan diri 清静无为 serta bersopan santun, berpendapat hanya orang yang tahu mengundurkan diri dapat mencapai kemajuan tersendiri.

¹²*Dao* 道 : *Dao* itu merujuk kepada penghasilan harta benda. Maksud asalnya merujuk kepada ‘jalan’, iaitu jalan menuju ke arah yang tertentu. Erti *dao* kemudiannya berkembang menjadi ajaran yang harus dituntut oleh semua orang dan benda.

Selain itu, Daoisme juga menyarankan pemerintahan berdasarkan “semula jadi”, iaitu pemerintahan “*wuwei* 无为而治”. Prinsip undang-undang serta segala peradaban materialistik dibantah sama sekali di bawah aliran *dao*. Orang ramai serta para pemerintah digesa berendah hati.

Pada pendapat Ye Zuhao 叶祖灏 (1984:4), Lao zi dan Zhuang zi merupakan pewakil Daoisme. Mereka berpendapat bahawa segala benda di dunia ini berasal dari alam semula jadi dan akhirnya akan kembali ke alam semula jadi. Oleh itu, Daoisme mengamalkan dasar “*laissez faire*” disambung itu juga benci terhadap sistem perundangan, menganggap konsep anarki itu adalah ideal politik.

1.3.4 Pemikiran politik aliran *bing* 兵家

“*Bing*” dalam bahasa Cina bermaksud tentera. Pengasas aliran *bing* ialah Sun Bing dan kitab bagi aliran pemikiran *bing* ialah “*sunzi bingfa* 孙子兵法”. Banyak strategi dan taktik peperangan telah disarankan menerusi buku ini. Ia merupakan sebuah buku rujukan yang paling penting dari segi ketenteraan. Dalam buku tersebut, satu prinsip peperangan yang penting, iaitu: “Memegang dan memahami kelemahan pihak musuh, maka tidak akan menghadapi kekalahan dalam sebarang peperangan 知己知彼，百战不殆.” Maksud tersebut kemudian diperluaskan ke dalam bidang perniagaan dewasa ini. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa Sun Bing adalah ahli strategis yang paling penting pada zaman peperangan tersebut.

Wang Guizhong 王贵忠 dan Xie Qing 谢晴 (1995:28) berpendapat bahawa skema pentadbiran yang dikemukakan oleh Sun Bing memperlihatkan tiga-tiga keistimewaan seperti yang berikut:

- (i) Mengambil berat tentang hasil pengeluaran dalam bidang pertanian, menyediakan makanan untuk anggota tentera, memajukan perindustrian tangan, menyediakan alat-alat senjata bagi pasukan tentera; golongan pemerintah dan pengiring harus juga berjimat-cermat demi menjaminkekayaan sesebuah negara, hanya apabila rakyat jelata menjadi kaya raya maka negara tersebut barulah boleh menjadi kuat.
- (ii) Pelan politiknya harus berlandaskan corak “pandangan terbuka”, mempelawa orang yang berkebolehan sebagai pemimpin, segala hukuman dan pujian yang dijatuhkan bersifat adil saksama. Konsep “membina kepercayaan” di kalangan rakyat dan melaksanakan akta yang diistiharkan serta dititikberatkan.
- (iii) Memperkuatkan pertahanan negara dan melatih tentera yang gagah berani.

Pada hemat pengkaji, dasar politik yang dikemukakan oleh aliran *bing* itu berusaha mengasuh rakyat supaya berdikari semasa menghadapi sebarang cabaran. Aliran *bing* berpendapat bahawa jikalau manusia ingin terus hidup dalam dunia ini, maka manusia harus menggunakan pendekatan ataupun cara tertentu untuk

mendapatkan sesuatu. Selain itu, mereka harus mempunyai semangat “berperang” pada setiap saat di samping menyedari kelemahan sendiri.

1.3.5 Pemikiran politik aliran *mo* 墨家

Pengasas aliran *mo* ialah Mo Di 墨翟 (kira-kira 468-376SM). Pemikiran teras dari segi politik ialah mengasihi semua lapisan masyarakat serta membantah orang ramai hanya mengasihi ahli keluarganya sendiri 兼爱, prinsip berjimat-cermat, membantah terhadap perperangan 非攻, dan menekankan prinsip mempelawa orang yang berkebolehan sebagai pemimpin 尚贤. Selain itu, aliran ini juga menekankan pergabungan negara di bawah pemerintahan *tianzi* 天子. Pelan politik aliran *mo* terdapat banyak perbezaan daripada Konfusianisme.

1.3.6 Pemikiran politik aliran *ming* 名家

Pengasas aliran *ming* itu belum dikenal pasti. Kononnya Deng Xi 邓析 (kira-kira 545-501SM), Yin Wenzi 尹文子 (riwayat hidup tidak dikenal pasti), Hui Shi 惠施 (kira-kira 370-310SM), Gongsun Long 公孙龙 (kira-kira 330-242SM) dan sebagainya merupakan pengasas *ming*. Aliran *ming* merupakan sebuah alira pemikiran yang cenderung kepada ilmu “perbahasan”. Pemikiran teras dalam bidang politik ialah kuasa mutlak bagi golongan pemerintah. Walau bagaimanapun, aliran pemikiran ini tidak meninggalkan kesan yang mendalam dalam kebudayaan Cina.

1.3.7 Pemikiran politik aliran *yinyang* 阴阳学派

Konsep *yinyang* sebenarnya sudah wujud sejak zaman Chun Qiu. Pengasasnya ialah Zhou Yan 邹衍 (kira-kira 305-240SM) yang lahir di negara Qi 齐国. Tahun kelahiran dan kemangkatannya tidak dapat dikenal pasti, kononnya lahir pada pengakhiran zaman peperangan. Buku kitab bagi aliran *yinyang* ialah *yueling* 月令. Buku tersebut menegaskan bahawa alam semula jadi sebagai satu konstruksi yang berperingkat dan saling menyekat. Di bawah konstruksi ini, “matahari” berada pada kedudukan yang tertinggi. Menurut Zhou Yan, manusia termasuk maharaja didapati tidak bebas. Malah syarat bagi manusia hidup secara harmoni melibatkan usaha menggabungkan unsur Tuhan dan manusia.

1.3.8 Buku *Guanzi* 管子 dan pergabungan bagi pemikiran politik pada zaman Pre-Qin

Buku *Guanzi* 管子 merupakan sebuah buku rumusan tentang pelbagai jenis aliran pada zaman peperangan. Di antaranya aliran kanun paling dititikberatkan di samping aliran Daoisme, aliran *yinyang*, Konfusianisme dan kanun. Pemikiran aliran kanun ini menekankan pemerintahan berdasarkan undang-undang serta berpendapat bahawa para pemerintah haruslah memimpin rakyat agar mematuhi undang-undang. Selain itu, buku *Lushi chunqiu* 吕氏春秋 mula mendapat penerimaan di kalangan pemikir politik aliran asing.

Pengarang buku tersebut ialah Lu Buwei 呂不韦 (? -235SM). Seperti buku *Guanzi*, Lu Buwei juga menggabungkan pemikiran politik dari pelbagai aliran pemikiran pada zaman Pra-Qin. Pemikiran teras dalam fikiran Lu Buwei ialah meneladani segala yang bersemula jadi serta mengubah diri supaya bersesuaian dengan perubahan yang pesat. Dalam konsep raja dan Perdana Menteri, aliran ini juga berpendapat bahawa raja mestilah mengikut kehendak rakyat sebelum melaksanakan sesuatu sistem pemerintahan. Selain itu, buku tersebut juga mencatatkan secara teliti tentang peranan raja dalam pembangunan sesebuah negara. Sesebuah negara itu boleh maju ataupun tidak bergantung kepada kesempurnaan akhlak peribadi raja tersebut. Justeru itu, konsep “mempelawa orang yang berkebolehan sebagai pemimpin” haruslah dititikberatkan. Sebagai kesimpulan, buku *Lushi chunqiu* itu menegaskan fikiran politik Konfusianisme, iaitu “pemerintahan secara berperikemanusiaan”.

1.3.9 Pemikiran politik aliran *nong* 农家

Aliran ini menekankan kerjasama daripada pemerintah dan rakyat. Pemikiran teras bagi aliran *nong* ialah ketiadaan perbezaan status antara golongan atasan dan bawahan.

1.4 Kewujudan, perubahan dan sifat-sifat pemikiran politik Konfusianisme pada zaman Pra-Qin

Falsafah politik di negara China berasaskan “manusia” dan mementingkan perhubungan manusia di antara satu sama lain. Maka bolehlah dikatakan bahawa pemikiran politik Konfusianisme berlandaskan corak keperimanusian/humanisme.

Kemunculan Konfusianisme pada zaman Pra-Qin berkait dengan keperluan untuk menghadapi perubahan yang pesat pada masa itu. Pada zaman Chun Qiu, tujuh buah negara yang paling berpengaruh 战国七雄 saling bertarung antara satu sama lain. Akhirnya raja Zhou telah kehilangan kuasa. Di sebaliknya, kuasa pembesar-pembesar feudal pula meningkat. Maka, timbulah pelbagai masalah di kalangan masyarakat.

Dalam keadaan sebegini, maka wujudlah sekumpulan cendekiawan yang mula berfikir. Akhirnya wujudlah suatu kefahaman politik dan seterusnya pemikiran politik Konfusius, Meng zi dan Xun zi juga mula bercambah. Pemikiran mereka ini menekankan konsep penggantian dan pembahagian kuasa.

Pengasas Konfusianisme ialah Konfusius. Oleh itu, terlebih dahulu kita sepatutnya memahami faktor-faktor mencetuskan pemikiran Konfusianis seperti mengkaji tentang kewujudan konsep Konfusianis dan sebagainya. Sistem politik Konfusius berusaha memulihkan keadaan politik semasa zaman Zhou Barat, iaitu zaman

pemerintahan “Zhou Gong 周公¹³”. Oleh itu, ada pihak yang berpendapat bahawa sahaman politik Konfusianis itu bersifat konservatif dan kolot. Kebanyakan konsep politik Konfusius itu berasaskan buku “Shang 尚书”¹⁴.

Semasa Konfusius mengemukakan sistem etikanya, beliau selalu merujuk kepada buku tersebut, iaitu buku ‘Sejarah Konfusianis’ (1991:36-41). Pengarang “Buku Shang” ialah Zhou Gong. Maka sebelum kita mengkaji kewujudan falsafah politik Konfusianis, kita seharusnya juga mengetahui hubungan sahaman Konfusianis terhadap “Buku Shang” terdahulu. Bab “yaodian” dalam “Buku Shang” 尚书.尧典 memperlihatkan konsep-konsep penting Konfusianisme seperti menyempurnakan kelakuan, menyatu padukan keluarga, memerintah negara dan keamanan negara 修身，齐家，治国，平天下. Ini dapat diperlihatkan menerusi bahagian pertama bab “yaodian” seperti yang berikut: Kembangkan moral yang suci bagi diri sendiri dan kasih “kesembilan kaum”. Apabila kesembilan-sembilan kaum itu hidup secara muhibah, maka rakyatnya akan menjadi sentosa. Sebaik saja rakyat kasih-mengasihi

¹³ Zhou Gong 周公 : (~ ? -kebih kurang 1095SM) Beliau merupakan ahli politik dan pemikir pada zaman Zhou Barat, juga dikenali sebagai Ji Dan 姫旦, adik kepada raja Zhou Wuwang. Selepas kemangkatan Wu Wang, raja yang menaiki takhtanya iaitu Zhou Chengwang masih berusia muda. Oleh itu, Zhou Gong pun membantu beliau menguruskan hal pentadbiran. Apabila Zhou Chengwang berusia 21 tahun, barulah Zhou Gong mengembalikan kuasanya kepada Cheng Wang. Semasa pentadbiran, Zhou Gong menggubal satu sistem ketatasusilaan dan kemuzikan yang lengkap yang dikenali sebagai “zhouli 周礼”. Selain itu, konsep “memerintah berdasarkan kemoralan dan mengetepikan kehukuman” diperkenalkan. Fikiran politik sedemikian kemudian menjadi dasar kepada “pemerintahan secara keperimanusiaan”. Zhou Gong merupakan orang yang paling dihormati oleh Konfusius.

¹⁴ *Shangshu* 尚书: Pada mulanya, ia dikenali sebagai *shu* 书. Selepas zaman peperangan, ahli cendekiawan pula menamakannya sebagai *Kitab* 经. Pada dinasti Han 汉, ia dikategorikan sebagai lima kitab yang terpenting. Maksud *shang* 尚 ialah atas 上, orang Han menganggap ia sebagai buku yang kuno, lantas dinamakannya sebagai Shang yang bermaksud “Klasik Dokumen” atau “Buku Sejarah”. Buku Shang merupakan sebuah buku yang banyak mencatat hal filologi pada zaman lampau.

antara satu sama lain, maka seluruh negara akan menjadi aman dan damai.

克明俊德，以亲九族，九族既睦，平章百姓，百姓昭明，协和万邦。

Seterusnya, Raja Yao尧 dikatakan memiliki sifat yang suci dan berkebolehan. Pada dasarnya, ajarannya menggesa seseorang pemerintah untuk menyempurnakan kelakuan diri sendiri terlebih dahulu dan mengeratkan hubungan di antara pemerintah dengan golongan yang diperintah. Sebenarnya, Konfusius bukan merupakan orang yang pertama mengemukakan fahaman politik yang bersistem etik pada zaman Pra-Qin. "Zhou Gong" yang menduduki tempat yang istimewa dalam sejarah pemikiran politik Cina pada zaman purba tetap memperkembangkan fahaman politik di negara China. Zhou Gong merupakan pengasas fahaman politik negara China pada zaman purba. Persoalannya, mengapakah Zhou Gong mengemukakan pendirian beliau tentang menyempurnakan kelakuan dan sebagainya?

Sebenarnya, masyarakat zaman Xia, Shang dan Zhou dibina berdasarkan hubungan darah dan melaksanakan pemerintahan secara "kaum kerabat 宗法¹⁵". Zaman Zhou menerima konsep "memerintah berdasarkan arahan Tuhan 天治" dari zaman Xia, kemudian digantikan dengan konsep "memerintah secara keperimanusiaan 德治". Jadi pada masa itulah perangai orang ramai mula berubah dari sikap bergantung serta berpatuh

¹⁵ Sistem kaum kerabat (*zongfa*) 宗法制: Sistem ini, yakni sistem masyarakat yang berdasarkan hubungan darah dikenal pasti oleh Zhou Gong. Pembentukannya ialah: Kuasa raja Zhou adalah tertinggi. Beliau memegang rejim negara, memegang kuasa ketenteraan serta kuasa kaum kerabat. Takhhta raja diwarisi oleh anak sulung kepada isteri yang sah, kuasa sedemikian secara keturunan ini dikenali sebagai "dazong 大宗", kuasa yang dipegang selain daripada anak sulung kepada isteri yang sah itu dikenali pula sebagai "xiaozong 小宗". Sistem *zongfa* ini mengamalkan kepercayaan kepada nenek moyang. Perhubungan antara *dazong* dan *xiaozong* dapat dieratkan lagi menerusi perkahwinan. Perhubungan antara *dazong* dan *xiaozong* boleh dieratkan lagi menerusi perkahwinan.

kepada Tuhan menjadi sikap bergantung kepada keupayaan diri. Orang Zhou menekankan tanggungjawab terhadap perbuatan sendiri adalah mustahak dan fikiran tersebut didapati lebih rasional. Oleh sebab zaman Zhou dipengaruhi oleh kebudayaan dari zaman Shang, maka ini secara tidak langsung konsep “memerintah berdasarkan arahan Tuhan” dari Shang itu diamalkan. Yang dimaksudkan dengan “konsep memerintah berdasarkan arahan Tuhan” ialah merujuk segala peristiwa kepada Tuhan, memohon arahan dari Tuhan dan menuju serta mempercayai Tuhan sepenuhnya. Mereka percaya bahawa selepas raja mereka mangkat, baginda akan naik ke syurga menemani Tuhan.

Orang Shang mempercayai bahawa keruntuhan zaman Xia adalah disebabkan oleh arahan Tuhan, begitu juga dengan zaman Shang, malahkala zaman Zhou membentuk rejim atas arahan Tuhan.

Oleh itu, orang Zhou berpendapat bahawa seseorang raja mesti melaksanakan pemerintahannya dengan mematuhi arahan Tuhan, meskipun pada masa itu, orang Zhou tidak mempercayai Tuhan sepenuhnya seperti orang Shang. Ini disebabkan mereka berpendapat bahawa kuasa Tuhan sudah tidak dapat mempertahankan pemerintahannya, yang lebih penting ialah menumpukan perhatian terhadap hal ehwal manusia. Perubahan ini diperlihatkan pada bidang politik yang berubah dari konsep kuasa akhlak Tuhan kepada konsep pemerintah secara keperimanusiaan.

Dari segi pembahagian tanah, zaman Shang melaksanakan “sistem turun-tumurun 世袭制¹⁶”; manakala pada zaman Zhou melaksanakan “sistem warisan keturunan 宗法制”。 Pendek kata, pada zaman Shang, sistem feudal masih belum lengkap dan menjadi lengkap hanya pada zaman Zhou. Sistem politik pada masa itu cenderung kepada gabungan, di antara etika, politik, dan ekonomi. Orang Zhou juga mengutamakan “akhlak” dan unsur ini diberikan perhatian utama. Mengikut prinsip “moral” pada masa itu, orang Zhou menekankan bahawa seseorang harus menghormati nenek-moyang serta Tuhan selain daripada mengasihi orang ramai.

Di samping itu, konsep baru seperti “mengutamakan rakyat” mula dikemukakan oleh Zhou Gong. Kepahitan yang dialami oleh suku bangsa dianggap sebagai kepahitan diri sendiri. Selain itu, “*xiao* 孝¹⁷” juga menjadi pemikiran teras bagi orang Zhou.

Pernyataan yang dibentangkan di atas memperlihatkan keadaan umum bagi keadaan politik pada zaman sebelum Zhou. Sebenarnya, pada zaman Shang Zhou, *xiao* hanya merupakan suatu konsep dan bukan suatu “pemikiran”. Dalam hal ini, didapati bahawa orang Zhou sudah memiliki konsep mengenai “demokrasi” dan “mentadbir secara keperimanusiaan”. Walau bagaimanapun, konsep-konsep tersebut mula dibincangkan secara konkret oleh Konfusius dan Meng zi.

¹⁶ Sistem turun-tumurun 世袭制: Yakni selepas ayahnya meninggal dunia, adiknya akan mewarisi takhtanya.

¹⁷ *Xiao* 孝: Fikiran etika dalam aliran Konfusianisme. Maksud *xiao* berpunca dari masyarakat suku bangsa. Ia merujuk kepada hubungan darah. Maksud *xiao* dicatatkan dalam perkataan ialah dalam zaman Zhou. Orang Zhou menganggap *xiao* itu sebagai menghormati nenek moyang serta dewa dewi dan selalu berbakti, mematuhi perintah, melayani kedua-dua orang tua dengan baik. Konfusius menekankan fikiran *xiao* itu kerana beliau berpendapat bahawa ia mendasari *ren*.

Sebenarnya, *Lunyu* merupakan sebuah buku ilmu politik yang pertama di negara China. Sebelum ini, bahan “akademik” hanya dimiliki oleh pegawai rasmi. Semua perkara penting, ordinan, dan peraturan undang-undang di kawal oleh pihak kerajaan. Para akademik dan pemikir secara langsung tidak digalakkan memilikinya, malahan pada golongan hamba abdi langsung tidak ada peluang pendidikan. Sehingga wujudnya beberapa aliran atau sistem pemikiran tersendiri, maka barulah terdapat keinsafan terhadap bidang politik. Untuk menyesuaikan keadaan tersebut, maka wujudlah fahaman politik.

Berdasarkan pernyataan yang di atas, berikut adalah beberapa ciri istimewa pemikiran politik Konfusianis yang dikenal pasti oleh pengkaji:

- (i) Memerintah secara keperimanusiaan: Kesemua mazhab pemikiran, faktor “moral” mendapat perhatian utama. Pemikiran politik negara China lebih mengutamakan unsur kelakuan seseorang di bawah sistem Konfusianisme dan bukan unsur liberalisasi dan hak individu seperti yang diamalkan di barat.

(ii) Politik yang bercorak etik: Politik yang bercorak etik diberi penekanan, iaitu “*zhengming* 正名¹⁸” dan hubungan antara raja dan Perdana Menteri.

Huraian di atas memperlihatkan dasar bagi fahaman politik pada zaman Pra-Qin.

1:5 **Sejarah hidup Konfusius dan latar belakang sistem pemikiran: Pengasas Konfusianisme**

1.5 .1 Riwayat hidup Konfusius

Nama Konfusius sebenarnya ialah “*Qiu* 丘”. Nama gelarannya ialah “*Zhongni* 仲尼”. Beliau dilahirkan pada tahun 551SM dan mangkat pada tahun 479SM. Nenek moyang Konfusius merupakan kerabat diraja pada zaman Shang. Setelah kejatuhan zaman Shang, kaum keluarganya pula dianugerahi gelaran “pembesar feudal” di negara Song. Selepas itu, kaum keluarganya menjadi bangsawan di negara tersebut. Menjelang zaman ayah datuk Konfusius iaitu Kong Fangshu 孔防叔 dilahirkan, timbulah keadaan huru-hara di negara tersebut. Maka, sekeluarga beliau pun berpindah ke negara Lu 魯, sejak masa itu, keluarga Konfusius kehilangan status bangsawan. Pangkat kaum elit diturunkan menjadi “kaum pegawai 士族”. Semasa Konfusius dilahirkan, status keluarganya sudah merosot menjadi rakyat biasa sahaja.

¹⁸ *Zhengming* 正名: Satu konsep yang buat pertama kali dikemukakan oleh Konfusius pada zaman Chun Qiu. Ia berkaitan dengan pengurusan personel dan merujuk kepada sistem menetapkan serta membezakan gelaran masing-masing agar tanggungjawab seseorang itu secocok dengan jawatan dan tugasnya. Konfusius berpendapat bahawa *zhengming* itu adalah dasar kepada kesempurnaan sistem ketatasilaan, penghakiman, segala kelakuan dan sebagainya. Ia bertujuan mententeramkan masyarakat supaya masyarakat menjadi lebih berdisiplin. Makna *zhengming* kemudian diperluaskan sebagai usaha membezakan gelaran masing-masing dan dibahas luas oleh para cendekiawan.

Konfusius dilahirkan di daerah *Zhou* di negara Lu. Semasa beliau dilahirkan, terdapat satu lekukan pada kepalanya, maka beliau juga dikenali sebagai “*Kongqiu*” 孔丘. *Qiu* bermaksud anak bukit.

Sebelum Konfusius dilahirkan, ibunya pernah berdoa kepada Tuhan “*Nishan*”¹⁹尼山 agar mendapatkan seorang anak lelaki. Oleh itu, Konfusius juga dikenali sebagai “*Zhongni*”. Ada juga orang yang memanggil beliau sebagai “orang tinggi” disebabkan ketinggian Konfusius ialah 9 kaki 6 inci. Beliau dilahirkan di ibu kota Lu, iaitu Qu Fu 曲阜. Di ibu negara tersebut, terdapat banyak tokong. Antara tokong yang terbesar ialah tokong “*zhougongmiao*” 周公庙. Semasa mengadakan upacara pemujaan, Konfusius pasti akan mengunjunginya. Sebaik sahaja memahami upacara pemujaan tersebut, Konfusius pula menjalani upacara tersebut bersama-sama anak-anak jirannya.

Semasa Konfusius berumur tiga tahun, ayahnya meninggal dunia dan beliau dipelihara oleh ibunya. Semasa remaja, Konfusius pernah melakukan pekerjaan yang dianggap hina seperti sebagai pegawai kepada pengurus gudang serta pengembara kuda lembu “*weili*” 委吏, “*chentian*” 乘田²⁰. Oleh ini, Konfusius mengakui bahawa beliau terlibat dalam pekerjaan yang hina semasa remaja.

¹⁹ *Nishan*尼山 : Merupakan tempat kelahiran Konfusius di daerah negeri Shan Dong 山东, daerah Qu Fu.

²⁰ *Weili* 委吏 dan *chentian* 乘田 merupakan nama gelaran kepada pegawai-pegawai pada zaman Chun Qiu. *Weili* 委吏 : Pegawai yang bertugas dalam hal pengembalaan, pada zaman Chun Qiu; golongan bangsawan mempelawakan pegawai tersebut untuk mengurus hal pengembalaan tersebut. Konfusius

Buku Catatan Sejarah Cina Bab “Keluarga Konfusius 史记.孔子世家” mencatatkan bahawa: “Semasa kecil, Konfusius sering berbincang dengan anak-anak jirannya tentang adat-adat resam Zhou seperti ‘zudou 祖豆²¹’. Konfusius berkahwin semasa berusia 19 tahun dan dikurniakan seorang anak yang bernama “Bo Yu 伯鱼”

Apabila Konfusius berumur 30 tahun, beliau sudah mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan. Beliau pun mula menerima penganut-penganut untuk mengusahakan bidang pendidikan serta menubuhkan sekolah swasta yang pertama di negara China.

Konfusius kemudian meninggalkan negara Lu disebabkan berlakunya kekacauan di negara tersebut. Di sepanjang hayat Konfusius, kebanyakan masanya digunakan untuk mengembara. Diantara negara-negara yang pernah dikunjungi ialah Wei 卫, Song 宋, Chen 陈, Cai 菜²² dan sebagainya. Setelah nengembara selama 14 tahun, beliau balik ke negara Lu. Semasa pengembalaan, Konfusius memperkenalkan

bertugas sebagai *weili* semasa beliau berumur 20 tahun. *Chentian 乘田* : Pegawai yang menguruskan hal gudang pada zaman Chun Qiu; Konfusius memegang jawatan tersebut setelah berusia 20 tahun.

²¹ *Zudou 祖豆* : Sejenis nama perkakas. *Zu 祖*: Diperbuat daripada tembaga hijau, ada juga yang dibuat daripada kayu yang dicatkan. Ia digunakan untuk menyimpan haiwan dan barang-barang pemujaan. *Dou 豆* : Sejenis perkakas yang diperbuat daripada kayu. *Zudou* merujuk kepada barang yang digunakan dalam upacara pemujaan, ia juga merujuk kepada hal-hal adat-resam.

²² Negara Wei 卫、Song 宋、Chen 陈、Cai 菜 : Keempat-empat negara ini merupakan negara putera zaman lampau yang wujud pada abad ke-11SM.

Wei 卫 : Ia ditewaskan oleh negara Qin pada 209SM. Konfusius pernah mengunjung negara Wei pada 497SM dan disanjung tinggi oleh raja Wei Linggong 卫灵公. Beliau tinggal di negara Wei selama 10 tahun tetapi tidak berpeluang mencebur diri dalam bidang politik.

Song 宋 : Ia ditewaskan oleh negara Qi pada 493SM, Konfusius pernah mengembara ke Song. Kedatangan beliau tidak dialu-alukan, malah difitnah.

Chen 陈 : Ia ditewaskan oleh negara Chu. Konfusius pernah mengunjungi negara Cai beberapa kali. Beliau terkurung dalam negara Chen dan Cai serta mengalami kekurangan makanan selama tujuh hari. Penganut-penganutnya sakit akibat kelaparan.

Cai 菜 : Dihapuskan oleh negara Chu pada 447SM. Konfusius mengunjungi Cai pada 489SM.

fahaman politiknya kepada pemerintah, tetapi motif beliau akhirnya mengalami kegagalan. Fahaman politik beliau tidak disambut baik dan diterima oleh pihak pemerintah.

Selama 14 tahun pengembalaan itu, Konfusius mengkaji dasar beberapa buah negara tersebut di samping mengajar penganut-penganutnya. Konfusius pernah menceritakan diri seperti berikut: “ Semasa berumur 15 tahun, saya sudah berazam dan bercita-cita untuk mempelajari ilmu akhlak, semasa berumur 30 tahun saya mendirikan doktrin; semasa berumur 40 tahun saya sudah tidak terkeliru dan terpengaruh oleh apa-apa hal; semasa berusia 50 tahun, saya memahami arahan Tuhan; semasa berusia 60 tahun, saya tidak percaya kepada khabar angin dan semasa berusia 70 tahun pula perbuatan saya tidak melampaui segala batasan yang ditetapkan oleh masyarakat. “吾十五而志于学，三十而立，四十而不惑，五十而知天命，六十能耳顺，七十而不逾距。”

Ye Zuhao 叶祖灏 (1984:12) berpendapat bahawa isi kandungan yang utama dalam aliran ilmiah Konfusius ialah corak pentadbiran dan pemerintahan dan cara untuk melaksanakannya ialah melalui pendidikan. Walau bagaimanapun, hasrat yang terakhir bagi Konfusius ialah menceburi diri dalam bidang politik.

Semasa usiannya lanjut, Konfusius amat kecewa kerana fahaman politik beliau tidak diterima dan dipraktikkan oleh golongan pemerintah. Oleh ini, Konfusius mula

menumpukan sepenuh perhatian terhadap bidang pendidikan dan kebudayaan. Beliau menyunting Buku-buku Klasik Puisi/*Shijing* 诗书" dan buku filologi lain. Selain itu, beliau juga memetulkan dan membuat pindaan terhadap buku "Chunqiu 春秋" sehingga buku tersebut menjadi buku sejarah pertama yang mencatatkan kronologi sesuatu peristiwa yang penting pada zaman Chun Qiu. Pada tahun ke-14, pemerintaham Lu Aigong 鲁哀公, bangsawan Lu menangkap seekor binatang khayalan yang bertanduk satu (麒麟). Walaupun binatang tersebut merupakan binatang yang bertuah, malah dianggap sebagai "Binatang Ganjil". Hal tersebut amat mendukacitakan Konfusius kerana perbuatan demikian menandakan kegagalan ajaran Konfusius. Walaupun begitu, bilangan pengikut dan pelajar beliau pada masa itu ada seramai tiga ribu lebih orang, tapi yang lebih terkenal diantaranya hanya 72 orang.

1.5.2 Latar belakang sistem pemikiran Konfusianisme

Sebelum kita mengkaji sistem pemikiran Konfusius, kita harus meneliti latar belakang kelahiran Konfusius terlebih dahulu. Ini adalah kerana latar belakang pemikiran seseorang itu berhubang rapat dengan latarbelakang kehidupannya .

Zaman kelahiran Konfusius merupakan zaman yang berhuru-hara. Peperangan sering tercetus dan rakyat jelata hidup azab sengsara. Ketika Konfusius dilahirkan, negara China memasuki zaman Chun Qiu dan zaman peperangan. Bidang perindustrian serta bidang pertanian mengalami kemajuan yang pesat. Selain itu, bidang perniagaan juga kaya-raya. Oleh itu, struktur masyarakat juga mengalami perubahan yang pesat.

Masyarakat dari sistem “hamba abdi 奴隶制度²³” berubah menjadi sistem “feudal 封建制度²⁴”.

Pada masa tersebut, putera zaman lampau di negara masing-masing bertarung antara satu sama lain untuk merampas harta tanah. Dalam keadaan sedemikian, kedudukan kaum bangsawan mula merosot. Terdapat golongan tertentu bukan bangsawan menjadi bangsawan disebabkan mereka mendampingi kaum diraja.

Golongan bangsawan yang merosot serta bangsawan yang baru muncul membentuk segolongan masyarakat yang dinamakan “*shi* 士”. “*Shi*” merujuk kepada orang dewasa yang berpengetahuan serta berlayakan untuk menjadi pegawai .

Kumpulan “*shi*” ini memperlihatkan kebolehan masing-masing dalam bidang perjuangan, ketenteraan, diplomasi, dan politik pada zaman itu. Mereka mendirikan sekolah serta memperkenalkan fahaman politik mereka. Kumpulan ini membawa kesan yang besar terhadap masyarakat pada zaman purba di negara China.

²³ Sistem hamba abdi 奴隶制度 : Di bawah sistem hamba abdi, para pemerintah mempunyai kuasa mutlak dan menjalankan pemerintahan monarki. Penghidupan hamba abdi tersebut tidak terjamin. Mereka diseksa sesuka hati oleh golongan pemerintah. Malah ada yang menjadi alat korbanan kepada golongan pemerintah. Demi melepaskan diri daripada seksaan, golongan hamba abdi tersebut telah pun menjalankan pelbagai perjuangan. Pada masa tersebut, bidang sains tidak berkembang.

²⁴ Sistem feudal 封建制度 : Sejak zaman pengakhiran Chun Qiu hingga ke zaman perang candu, sepanjang dua ribu lebih tahun itu, negara China sebenarnya adalah di bawah sistem pemerintahan feudal. Di bawah sistem feudal, Maharaja mempunyai kuasa mutlak dan menjalankan pemerintahan yang zalim. Rakyat jelata langsung tidak berhak mencebur diri dalam bidang politik. Oleh kerana tuan tanah mempunyai tanah yang luas dan harta benda yang banyak sementara para petani pula miskin dan kekurangan individu, maka berlakulah pertarungan antara golongan tuan tanah dan golongan petani. Di bawah sistem feudal, dipercayai bahawa hak politik para pemerintah itu dikurniakan oleh Tuhan.

Di bawah keadaan sedemikian, secara tidak langsung bidang pendidikan juga mengalami perubahan yang pesat. Sebelum itu, bidang akademik hanya dimiliki oleh kerabat diraja manakala guru sekolah pula terdiri daripada pegawai. Setelah berlakunya perubahan tersebut, rakyat biasa juga berpeluang menikmati peluang pendidikan. Pada zaman Chun qiu, bidang akademik mula beralih dari “golongan bangsawan” kepada “rakyat jelata”.

Sebab-sebab peralihan bidang akademik ialah “kemerosotan kerabat diraja dan keruntuhan tatasusila”. Ini adalah kerana aspek kebudayaan selalu berkait rapat dengan bidang ekonomi dan rejim kerajaan. Jikalau sesebuah negara mengalami kekacauan, maka banyak arkib negara akan beralih ataupun pupus.

Konfusius adalah cendekiawan yang pertama memulakan ceramah swasta pada zaman Chun Qiu. Beliau menerima pelajar secara terbuka. Beliau memegang kepada prinsip iaitu pendidikan “tanpa penjenisan 有教无类” yang mana semua orang tidak kira miskin ataupun kaya, tua ataupun muda digalakkan mempelajari daripada Konfusius.

Buku Sejarah Konfusianis negara China yang dikarang oleh Zhao Jihui 赵吉惠, Guo Houan 郭厚安, Zhao Suijie 赵穗洁 dan Pan Ce 潘策 (1991:40-41) mengetengahkan tiga faktor yang membawa kesan mendalam terhadap Konfusius. Berikut adalah ketiga-tiga faktor yang dinyatakan dalam buku tersebut:

- (i.) Konfusius dipengaruhi oleh adat resam, kebudayaan dan ordinan lama semasa kecil. Semasa remaja, beliau selalu mencontohi orang dewasa mempamerkan pentas penyembahan serta meniru orang dewasa dalam menjalankan upacara pemujaan, maka bolehlah dikatakan bahawa Konfusius dipengaruhi oleh adat resam Zhou sejak kecil lagi.
- (ii) Konfusius dilahirkan dari golongan Zhou yang sudah merosot, maka beliau mahir dalam adat resam zaman Zhou. Disebabkan keadaan sedemikian, maka dia lebih mudah menyerap konsep dan kebudayaan zaman lama. Dalam buku (*Lunyu*, 8), beliau pernah memuji adat resam Zhou sebagai adat yang terlengkap.
- (iii) Disebabkan Konfusius dilahirkan dari keluarga yang miskin, tambahan lagi sejak kecil sudah kehilangan ayah, maka dia lebih memahami perasaan rakyat biasa. Justeru itu, beliau memiliki pemikiran yang serupa dengan rakyat biasa. Ketigatiga faktor ini mengakibatkan Konfusianisme menghasilkan aliran pemikiran yang bercorak keperimanusiaan.

1.6 Sejarah hidup Meng zi dan latar belakang sistem pemikiran : Pewaris Konfusianisme

1.6.1 Riwayat hidup Meng zi

Setelah kemangkatan Konfusius, Meng zi mewarisi pemikiran beliau serta memperkembangkannya. Meng zi adalah tokoh Konfusianis yang penting pada pertengahan zaman perperangan. Meng zi dengan nama Ke轲, dilahirkan di daerah Zou邾 pada kira-kira tahun 390-305SM. Nenek moyang Meng zi merupakan kaum bangsawan negara Lu dari “puak Song 宋氏”. Sewaktu Meng zi dilahirkan, keluarganya telah kehilangan status bangsawan dan menjadi rakyat biasa sahaja.

Meng zi berasal dari keluarga yang miskin. Semasa beliau berumur tiga tahun, ayahnya meninggal dunia dan beliau dibela oleh ibunya. Ibu Meng zi sangat bijaksana dan mengambil berat tentang pendidikan Meng zi. Oleh itu, Meng zi memperolehi pendidikan yang lengkap sehingga remaja. Sejarah Cina pernah tercatat bahawa ibu Meng zi pernah berpindah tiga kali kerana ingin mencari tempat yang paling sesuai untuk Meng zi menuntut ilmu. Sehingga dewasa, Meng zi menjadi pengikut Zi Si 子思²⁶ dan mempelajari ilmu daripada beliau. Zi Si adalah cucu kepada Zeng zi 曾子 (Zeng zi adalah pelajar Konfusius yang menyebarkan ajaran kepatuhan – *xiao孝*).

²⁶Zi Si 子思 adalah pengikut kepada pelajar Konfusius iaitu Zen Shen曾參. (481-402SM). Beliau dilahir pada awal zaman peperangan dan mewarisi konsep “ketulusan誠” dari Konfusianisme. Makna baru “ketulusan” itu kemudian berkembang dan dikaitkan dengan sifat am bagi alam sekitar. Pemikiran beliau membawa kesan yang besar terhadap ahli metafizik pada zaman Song.

Dalam seumur hidup, Meng zi mengembara merata-rata tempat untuk menyampaikan fahaman politiknya. Beliau pernah mengunjungi negara Qi 齐 Song 宋 Deng 邓 Liang 梁 dan sebagainya tetapi akhirnya mengalami kegagalan ataupun fahaman politiknya tidak diambil berat oleh golongan pemerintah. Walaupun beliau dilayan sebagai tetamu di negara tersebut .

Disebabkan riwayat hidup Meng zi serupa dengan Konfusius, maka dia menyanjung tinggi pemikiran Konfusius. Dalam buku (*Mengzi*,2A:2) beliau mengatakan bahawa: “Sejak saya dilahirkan, jika diizinkan, aspirasi saya ialah mempelajari daripada Konfusius. Sehingga kini, tiada seorang pun yang setanding dengan Konfusius”. Berdasarkan pernyataan di atas, didapati bahawa Meng zi menyanjung tinggi Konfusius.

Cita-cita Meng zi ialah untuk memperkembangkan fahaman Konfusius. Generasi muda selalu menyebut nama beliau bersama Konfusius “*kongmeng* 孔孟” yang memperlihatkan status yang sama dengan Konfusius.

Meng zi mengembara ke merata-rata tempat untuk memperkenalkan fahaman politiknya. Oleh kerana pemikiran beliau tidak diambil berat oleh golongan pemerintah, maka beliau pun berundur diri dan menumpu sepenuh perhatian kepada bidang akademik. Beliau pernah menulis prakata dalam “*shijing* dan *shujing* 诗书” serta mengarang 7 bab *Mengzi* bersama-sama dengan pengikutnya seperti “*Wan Zhang* 万章”. Buku tersebut bertujuan mengisahkan fahaman Konfusius. Selain itu, buku

tersebut juga mencatatkan pemikiran beliau dan pengalaman seumur hidupnya. Buku ini merupakan sumber rujukan yang penting bagi pengajian pemikirannya.

Sebenarnya keilmiahan Meng zi sebelum dinasti Tang 唐朝 (618-909) tidak sebegitu cemerlang. Kedudukan beliau cuma disanjung tinggi sehingga dianggap sebagai pewaris Konfusius pada dinasti Tang yang dikemukakan oleh Han Yu 韩愈 (768-824SM)²⁷ dengan wujudnya konsep "ilmu akhlak (Ajaran Konfusianisme yang ortodoks 道统²⁸". Malahan, pemikiran politik beliau iaitu "memerintah secara kemurahan 仁政" tidak disambut baik kerana ia dianggap sebagai "jauh dari hakikatnya" dan "tidak bersatu padu dengan orang yang mengharapkan sesuatu.

1.6.2 Latar belakang sistem pemikiran Meng zi

Menurut Qu Yanjin 霍延晋 (1992:3). Meng zi dilahirkan pada pertengahan zaman perperangan. Pada zaman tersebut, perubahan yang pesat berlaku dalam bidang akademik dan kehidupan masyarakat.

Pada masa itu masyarakat pada umumnya sudah beralih dari sistem hamba abdi kepada masyarakat yang bersistem feudal. Tanggungjawab dan matlamat bagi negara

²⁷ Han Yu 韩愈 : Sasterawan yang terkenal pada dinasti Tang, menyanjung tinggi Konfusianisme dan menyingkir ilmu Buddha dan Daoisme.

²⁸ Daoxong 道统 : Ajaran-ajaran Konfusianisme, yakni ajaran yang dikemukakan oleh raja Yao, Shun, Yu, Tang, raja Wen Wang, Zhou Gong, Meng zi, dan Konfusius.

besar pada masa itu ialah usaha memperkuuh sistem feudal dan mempertingkatkan kuasa ekonomi serta tentera negara masing-masing.

Pada masa itu juga, alatan besi dan kerbau untuk bercucuk tanam digunakan secara ekstensif. Akibatnya, daya penghasilan dipertingkatkan. Perubahan dalam bidang ekonomi secara tidak langsung juga memberi kesan kepada perubahan kuasa negara. Di samping itu, pada zaman peperangan, pengetahuan sains dan teknologi serta bidang akademik juga menjadi gemilang. Pensyarah peribadi didapati lebih popular daripada zaman Chun Qiu. Meng zi dilahirkan dalam keadaan yang memperlihatkan perubahan yang pesat di kalangan masyarakat. Bagi negara pembesar-pembesar feudal ini, perkara yang paling menonjol ialah “peperangan”. Memandangkan keadaan sedemikian, justeru itu Meng zi memperkenalkan fahaman politiknya tentang “cintakan manusia 仁者爱人”.

Beliau berpendapat bahawa konflik berlaku kerana perkataan “manfaat”. Justera itu, beliau mengunjungi beberapa negara sambil memperkenalkan fahaman politiknya. Beliau menolak fahaman egoisme.

Walau bagaimanapun, fahaman politik yang bercorak keperimanusian itu tidak disanjung tinggi oleh golongan pemerintah.

1.7 Sejarah hidup Xun zi dan latar belakang sistem pemikiran : Aliran asing Konfusianisme

1.7.1 Riwayat Xun zi :

Nama Xun zi ialah “Kuang 况” dan nama gelaran adalah “Qin 卿”, juga dikenali sebagai “Sun Qing 孙卿”. Beliau dilahirkan di daerah Zhao pada zaman peperangan. Tarikh lahir dan tarikh mati Xun zi tidak jelas, mungkin di sekitar tahun 313SM, meninggal dunia pada tahun 238SM. Tahun kelahiran Xun zi dan Konfusius berselang seratus lebih tahun, maka Xun zi tidak pernah lihat Konfusius.

Buku Sejarah Konfusianisme Cina 中国儒学史 (1991:151-154) membahagikan riwayat hidup Xun zi kepada tiga bahagian iaitu:

- (i) Di negara Zhao: Sebelum umur 15 tahun, Xun zi menetap di negaranya sendiri iaitu Zhao.
- (ii) Mengunjungi Qi: Pada masa itu, negara Qi merupakan negara yang paling berkuasa di antara kesemua negara zaman lampau pada zaman peperangan. Raja Xuan, negara Qi 齐宣王 ketika itu sedang mencari orang yang berkebolehan, maka Xun zi pergi ke Qi dan berceramah di sana. Pada masa itu, beliau hanya berumur 15 tahun. Xun zi juga adalah guru kepada raja negara Qi Xiangwang 齐襄王". Di samping itu, beliau

pernah memegang jawatan sebagai “*jijiu* 祭酒²⁹” sebanyak tiga kali.

Jijiu adalah gelaran jawatan untuk pegawai kepada para cendekiawan.

Xun zi berceramah di negara Qi selama lima tahun lebih. Dalam masa lima puluh lebih ini, beliau bukan bermastautin tetap negara Qi sahaja, malahan dia pernah mengunjungi ke negara Chu. Semasa berumur lebih 40 puluh tahun, beliau ke Qin dan membuat kritikan terhadap politik negara Qin”. Beliau balik semula ke Qi sehingga berumur 70 tahun. Selepas itu, beliau meninggalkan Qi ke Chu lagi.

- (iii) Bermaustin di negara Chu : Kebanyakan masa tua Xun zi dihabiskan di negara Chu. Beliau pernah diajak oleh Raja Chun Shen 春申 untuk memegang jawatan “*lanling* 兰陵”. Akan tetapi, beliau difitnah oleh orang yang berada di sekelilingnya. Beliau terpaksa bertolak ke negara Zhao iaitu tempat lahir asal beliau. Xun zi hanya tinggal di negara Zhao tiga atau empat tahun sahaja. Selepas itu, raja Chun Shen mengajak beliau balik memegang semula jawatan “*lanling*”.

Semenjak itu, Xun zi tinggal di negara Chu. Jawatan tersebut dilucutkan sebaik sahaja raja Chun Shen meninggal dunia. Selepas menyingkirkan hal ehwal kerajaan, beliau menumpukan perhatian dalam bidang akademik dan penulisan.

²⁹ *Jijiu* 祭酒 : Pada zaman kuno, semasa majlis jamuan, orang tua ataupun orang yang berpangkat terlebih dahulu mengangkat cawan minum untuk memuja Tuhan. Maksud yang kedua ialah merujuk kepada orang yang berpengetahuan.

Wang Sen 王森 (1992: 2-3) pernah membincangkan kebenaran dan kesilapan buku *Xunzi*. Kononnya adalah seperti berikut : Buku *Xunzi* pada peringkat awal kononnya mempunyai 300 lebih bab, kemudiannya disusun oleh Liu Xiang 刘向 (776-?SM)" pada dinasti Han supaya menjadikan 32 bab. Buku ini dikenali sebagai "Buku Baru Xun Qing 荀卿新书". Pada dinasti Tang, Yang Qiong 杨琼 (?) pula menyusun semula buku tersebut sehingga menjadi 20 jilid dan mengandungi 32 bab dan dinamakan "*Xunzi*".

Berkenaan penulis buku *Xunzi*, ramai cendekiawan mempersoalkan pengarangnya, Liu Xiang membuat deklarasi bahawa 32 bab tersebut kesemuanya ditulis oleh Xun zi sendiri manakala Yang Qiong 杨琼 pula berpendapat bahawa bab 27 "Da Lue 大略" , 28 "You Zuo 宥坐", 29 "Zi Dao 子道" , 30 "Fa Xing 法行" , 31 "Ai Gong 哀公" , dan 32 "Yao Wen 尧问" dikarang oleh pengikut Xun zi dan seterusnya ditulis oleh Xun zi. Liang Qizhao 梁启超 (1873-1929) pula berpendapat bahawa bab 8 "Ru Xiao 儒效" , 15 "Yi Bing 议兵" , 16 "Qiang Guo 强国" , dan 32 "Yao Wen 尧问" ditulis oleh pengikutnya. Peringkat terakhir bab Yao Wen 尧问 memuatkan kritikan terhadap buku *Xunzi*.

1.7.2 Latar belakang sistem pemikiran Xun zi

Dalam buku Pengajaran Falsafah Cina (1989:100-101), tercatat latar belakang dan riwayat hidup Xun zi seperti berikut:

Xun zi dilahir pada akhir zaman peperangan. Pada ketika itu, pelbagai aliran pemikiran sudah mencapai tahap kemuncaknya. Masyarakat masa itu sudah mengalami pergelakan yang panjang, maka rakyat mengalami kesengsaraan dan ini juga menimbulkan kesan negatif di dalam sektor pengeluaran.

Memandangkan begitu, masyarakat pada zaman itu berazam mendirikan sebuah kerajaan yang terpusat “Sentralisasi 中央集权³⁰,” yang bersistem feudal demi mententeramkan masyarakat dan mempercepatkan pengeluaran.

Selain bidang ekonomi dan politik, usaha menuntut bersatupaduan juga berlaku pada bidang akademik. Dalam keadaan sedemikian, maka Xun zi menggabungkan pelbagai aliran doktrin untuk menyatakan pendiriannya sendiri.

Xun zi menggabungkan pemikiran Konfusianisme dengan pemikiran “kanun 法”(iaitu memerintah mengikut undang-undang) di samping aliran pemikiran lain. Oleh demikian, bolehlah dikatakan bahawa Xun zi adalah cendekiawan terakhir yang mengumpulkan pemikiran Konfusianis pada masa zaman Pra-Qin. Pemikiran teras Xun zi mirip kepada Konfusianis. Pada masa sebelum Qin, Xun zi dianggap sebagai ahli Konfusianis. Ini adalah kerana beliau mewarisi fikiran “ketatasusilaan” daripada Konfusius dan Meng zi. Tetapi pada dewasa pula, cendekiawan menganggap beliau sebagai ahli aliran “fa”. Ini adalah kerana selain mengemukakan pendiriannya tentang

³⁰ Kerajaan Sentralisasi 中央集权 : Bermaksud semua hak ataupun kuasa ditumpukan pada kerajaan pusat, untuk melicinkan pemerintahan. Sesebuah negara itu dibahagi kepada beberapa kerajaan tempatan tetapi kuasa mutlak masih dikuasai oleh Kerajaan Pusat.

“tatasusilaan” dan “keperimanusiaan”, yang lebih penting beliau membincangkan tentang “*fa*” (iaitu fahaman kanun). Faktor-faktor yang menyebabkan beliau membentuk fahaman kehakiman itu adalah kerana beliau berpegang kepada “manusia bersifat jahat sejak kelahiran”, maka perangai mereka seharusnya disekat di bawah undang-undang dan “tatasusilaan” diperkenalkan untuk mengawal tingkah laku.

Di samping itu, Xun zi juga berpendapat bahawa pertarungan yang berlaku pada zaman peperangan adalah disebabkan oleh kegagalan mengawal tingkah laku manusia. Maka jikalau kita ingin menyejahterakan negara dan membangunkan keluarga, kita hendaklah menyempurnakan ataupun menyesuaikan kelakuan manusia terdahulu. Fahaman politik Xun zi akan disentuh dalam Bab 4 kelak.